



MAJLIS BANDARAYA IPOH

ARAHAN KEWANGAN BIL. 09/2024

Rujukan : Bil (62) dlm.MBI.B1/12/1/12 Jld 2

Jabatan Perbendaharaan
Majlis Bandaraya Ipoh

25 Jun 2024

Setiausaha Bandaraya,
Semua Pengarah Kanan,
Semua Ketua Jabatan / Unit
Majlis Bandaraya Ipoh.

Tuan / Puan,

PERATURAN MENGENAI KEMUDAHAN BANTUAN PEMBELIAN KOMPUTER TABLET BAGI TUJUAN HADIR MESYUARAT

Dengan hormatnya saya memohon perhatian tuan/puan mengenai perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, seiring dengan hasrat Kerajaan dalam membudayakan perkhidmatan digital dalam kalangan penjawat awam, pihak Majlis bersetuju untuk menyediakan **kemudahan bantuan pembelian komputer tablet bagi tujuan hadir mesyuarat**. Kemudahan ini bertujuan untuk mengoptimumkan perbelanjaan dengan mengamalkan kaedah penyediaan dokumen secara elektronik (*paperless*), memuat turun dan memuat naik dokumen rasmi semasa menghadiri mesyuarat dalam meningkatkan kecekapan penyampaian Majlis.

3. Sehubungan dengan itu, Arahan Kewangan ini bertujuan untuk menetapkan kadar dan syarat berhubung kemudahan bantuan **pembelian komputer tablet bagi tujuan hadir mesyuarat** seperti berikut:-

- 3.1 **Pegawai berikut layak** mendapat kemudahan bantuan pembelian komputer tablet bagi tujuan hadir mesyuarat iaitu:
 - 3.1.1 Pegawai **lantikan Majlis** bertaraf tetap / *contract of service*;
 - 3.1.2 Berkhidmat dengan Majlis **melebihi 3 bulan** mulai tarikh lantikan pertama;
 - 3.1.3 Pegawai **Gred 29 hingga 48** yang bukan bertaraf Ketua Jabatan; dan
 - 3.1.4 Pegawai mempunyai kekerapan dalam **menghadiri / mewakili / menganggotai** Mesyuarat Majlis secara berkala dalam setiap bulan.

- 3.2 **Kadar maksimum** kemudahan bantuan komputer tablet bagi tujuan hadir mesyuarat adalah **RM1,800.00 tidak termasuk aksesori**;
- 3.3 **Syarat** kemudahan bantuan komputer tablet bagi tujuan hadir mesyuarat seperti berikut:
- 3.3.1 Pembelian **komputer tablet** mudah alih sahaja;
 - 3.3.2 Tuntutan hanya secara **“one-off”**;
 - 3.3.3 Pembelian perlu dilaksanakan dalam tempoh **30 hari dari tarikh kelulusan** diterima dalam tahun semasa;
 - 3.3.4 **Kaedah tuntutan bayaran balik** beserta resit pembelian atas nama pegawai sahaja;
 - 3.3.5 Komputer tablet adalah menjadi **hak milik pegawai** tanpa perlu direkodkan sebagai aset Majlis; dan
 - 3.3.6 Kelulusan bagi permohonan ini adalah tertakluk kepada **baki peruntukan semasa** tahun berkenaan.
4. Dengan ini disertakan **Borang Permohonan Kemudahan Bantuan Pembelian Komputer Tablet Bagi Tujuan Hadir Mesyuarat** untuk perhatian dan rujukan pihak tuan /puan selanjutnya.
5. Perhatian dan kerjasama pihak tuan /puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“IPOH BESTARI SEJAHTERA”
“IPOH BANDAR RAYA PELANCONGAN UTAMA NEGARA 2025”
“IPOH BANDAR RAYA PINTAR DAN RENDAH KARBON 2030”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' HAJI RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD DAUD)
Datuk Bandar Ipoh
Majlis Bandaraya Ipoh

“PERAK SEJAHTERA 2030”
“PROMISING PERAK” TMP2024



**BORANG PERMOHONAN KEMUDAHAN PEMBELIAN KOMPUTER TABLET
BAGI TUJUAN HADIR MESYUARAT**

MAKLUMAT PEMOHON

Nama :

No Kad Pengenalan :

Gred :

Jawatan :

Unit / Bahagian / Jabatan :

JUSTIFIKASI PERMOHONAN KEMUDAHAN KOMPUTER TABLET

1.

2.

(NOTA: Sila gunakan lampiran tambahan sekiranya tidak mencukupi)

PENGAKUAN PEMOHON	SOKONGAN KETUA JABATAN
Saya mengaku bahawa permohonan ini dibuat mengikut kadar dan syarat yang ditetapkan dan semua butir-butir permohonan yang dinyatakan di atas adalah benar. Tandatangan / Tarikh	Permohonan ini telah disemak dan disahkan bahawa permohonan tersebut memenuhi peraturan sebagaimana kelayakan pegawai. Nama : Jawatan: Tarikh:

ULASAN PENGARAH PERBENDAHARAAN BANDARAYA

.....

.....

.....

Tandatangan / Tarikh

KELULUSAN YBHG. DATUK BANDAR

.....

.....

.....

Tandatangan / Tarikh

NOTA : SILA KEMBALIKAN BORANG INI KEPADA PEMOHON UNTUK TINDAKAN SELANJUTNYA